

# Kelancaran tiga RMK <sup>UM -</sup> penting - PM <sup>9/6/2006</sup>

SANDAKAN 8 Jun - Pelaksanaan mengikut jadual tiga Rancangan Malaysia yang akan datang amat penting supaya ia tidak menjejaskan matlamat untuk mencapai status negara maju menjelang tahun 2020, kata Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi.

Menurut beliau, tempoh 14 tahun yang masih ada untuk mencapai negara maju bukan merupakan satu tempoh yang panjang dan ia memerlukan sokongan dan kerjasama daripada semua pihak untuk menjayakannya.

“Jangka masa ini amat penting kerana kita hanya ada tiga rancangan lima tahun iaitu Rancangan Malaysia Kesembilan (RMK-9), RMK-10 dan RMK-11 untuk mencapai negara maju seperti yang dihasratkan.

## Sasaran

“Kalau satu Rancangan Malaysia tidak mencapai sasaran maka ia akan menjejaskan prestasi Rancangan Malaysia berikutnya serta memberi kesan kepada usaha mencapai matlamat 2020,” katanya.

Beliau berkata demikian pada majlis Pemimpin Bersama Rakyat di Dewan Yu Yuan di sini, malam ini.

Turut hadir, Ketua Menteri Sabah, Datuk Seri Musa Aman, pemimpin parti-parti komponen Barisan Nasional serta lebih 3,000 penduduk.

Abdullah menarik perhatian bahawa jika seseorang itu ingin meraih kemenangan dalam tiga pusingan lumba lari, dia mesti memastikan dapat menamatkan larian dalam tempoh masa yang ditetapkan.

“Kalau pusingan kedua baik, sebolehnya pusingan ketiga akan menjadi bertambah baik,” katanya.

Sehubungan itu, beliau meminta semua pihak agar turut serta bersama-sama kerajaan menjayakan misi nasional dalam tempoh 14 tahun ini demi kepentingan dan faedah bersama.